

# Miliki rokok, bir disyaki diperoleh secara tidak sah, penjaga kedai didenda RM1,000

**KUCHING:** Seorang penjaga kedai didenda RM1,000 atau sebulan penjara di Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah memiliki 107 karton rokok dan 55 kotak bir bernilai anggaran RM60,000 yang disyaki diperoleh secara tidak sah.

Mohd Zainul Hakeem Isa, 22, dari Asajaya, membuat pengakuan tersebut di hadapan Majistret Zubaidah Sharkawi sebaik dia didakwa mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan Kecil Sarawak 1958 yang sabit kesalahan, boleh dijatuhi hu-

kuman penjara tiga bulan atau denda RM500.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut pada 26 Julai 2023, sekitar jam 3.25 petang di sebuah kedai di King Centre di sini.

Fakta kes mendedahkan sepasukan polis membuat serbuan di kedai tersebut dan menahan tertuduh bersama beberapa katon rokok dan kotak minuman keras pelbagai jenama kerana dipercayai tidak mempunyai sistem cukai kastam yang sah.

Polis kemudiannya mem-

bawa barang rampasan kes ke Ibu Pejabat Daerah Kuching untuk siasatan lanjut.

Nilai rampasan dianggarkan bernilai lebih kurang RM60,000.

Hasil siasatan mendapati kesemua barang rampasan tersebut diperoleh secara tidak sah dan tertuduh gagal mengemukakan sebarang dokumen membabitkan pemilikannya.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Ammarsoffi Yusoff sementara tertuduh tidak diwakili peguam.